

24 OCT 2001

Abdullah-Rizab

PASUKAN PETUGAS DITUBUH TANGANI PENCEROBOHAN TANAH RIZAB MELAYU

KUALA LUMPUR, 24 Okt (Bernama) -- Kerajaan akan menubuhkan pasukan petugas bagi mengatasi gejala pencerobohan Tanah Rizab Melayu dan tanah kerajaan, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Katanya pencerobohan itu merupakan satu kesalahan dan Kabinet telah mengarahkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk mengambil tindakan awal.

"Kabinet berpendapat itu (pencerobohan) adalah satu kesalahan dan jika dibiarkan nanti, rakyat Malaysia pun hendak juga (tanah) pasal banyak orang yang tidak ada tanah sekarang ini, nanti semua pun hendak juga," katanya dalam sidang akhbar sebelum mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Umno di sini, hari ini.

Semalam, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim mendedahkan kelemahan penguatkuasaan pihak berkuasa tempatan sehingga membolehkan warganegara Indonesia mewujudkan perumahan mewah terutama di Tanah Rizab Melayu berhampiran Taman Harmonis, Gombak.

Abdullah berkata Dr Rais memaklumkan kepada Kabinet mengenai perkara itu hari ini dan Kabinet meminta kementerian berkenaan mengkaji tindakan sewajarnya sebelum kerajaan mewujudkan satu pasukan petugas.

Beliau berkata penyelesaian masalah itu membabitkan banyak kementerian dan jabatan seperti Kementerian Tanah dan Koperasi, pejabat daerah dan polis tetapi pada peringkat awal masalah itu akan diawasi oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Abdullah, yang ditanya sama ada tindakan awal adalah termasuk menyiasat unsur-unsur rasuah di kalangan pihak berkaitan dengan masalah itu, berkata: "Kita tidak kaji aspek itu (rasuah) dan kalau Datuk Dr Rais ada apa-apa maklumat bolehlah beliau lapor atau kemukakan pandangannya terus kepada Badan Pencegah Rasuah".

Katanya beliau turut mendapat maklum balas dari Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Azmi Khalid mengenai dakwaan kononnya ada orang yang tidak layak masih mendapat bantuan di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT).

"Berasaskan penerangan yang telah diberi oleh Datuk Azmi Khalid, apa yang berlaku bukanlah semasa beliau menjadi menteri kementerian itu...tetapi beliau sekarang ini sedang membuat siasatan dan akan ambil tindakan," katanya.

Abdullah berkata Azmi telah mengambil tindakan untuk melaporkan kepada pihak berkenaan tentang perkara berhubung wang yang tidak dibelanja dengan betul atau sepenuhnya berkaitan PPRT.

Semalam, semasa ditanya wartawan mengenai perkara itu di banguna Parlimen, Azmi mengakui ada kelemahan pemantauan secara berkesan menyebabkan faktor utama perlaksanaan PPRT lemah tetapi kementerian telah membuat laporan polis dan BPR terhadap pihak-pihak yang menyeleweng wang PPRT.

Mengenai pembentangan laporan Associated Press (AP) di Kabinet, Abdullah menganggap isu salah tafsir agensi berita asing itu terhadap ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Parlimen, telah selesai.

"Kabinet difahamkan pihak AP telahpun mengeluarkan kenyataan maaf secara terbuka, kita dengan itu menerima kenyataan itu dan dianggap kes ini tidak ada tindakan yang perlu kita ambil mengenainya," katanya.

--BERNAMA

SLR DC NAK